

**PEMBAYARAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN
PINGAT PERKHIDMATAN CEMERLANG (PPC) MELALUI SIJIL SIMPANAN
PREMIUM (SSP) SECARA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

1. PENDAHULUAN

Panduan ini dikeluarkan bertujuan untuk menjelaskan dengan terperinci mengenai tatacara dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi mendapatkan SSP melalui EFT.

2. MAKLUMAT AKAUN BANK

- 2.1 Nama Penerima : BSN Akaun Islamic Kuala Lumpur
- 2.2 No. Akaun : 564490101331
- 2.3 Nama : Maybank Islamic
- 2.4 Alamat Bank : Kuala Lumpur (KLCC)
- 2.5 Kod Bank : MBISMYKL

3. BAYARAN YANG BOLEH MENGGUNAKAN AKAUN DI ATAS NAMA BSN ISLAMIC KUALA LUMPUR

- 3.1 Akaun ini hanya boleh digunakan bagi transaksi yang melibatkan bayaran atas nama penerima **BSN Akaun Islamic Kuala Lumpur** yang dihadkan kepada:
 - 3.1.1 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);
 - 3.1.2 Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC).
- 3.2 Akaun ini tidak boleh digunakan bagi tujuan pembelian dan pembayaran yang lain selain daripada bayaran yang telah dinyatakan seperti di atas.

4. PANDUAN BAGI MENDAPATKAN SSP

Bagi mendapatkan SSP ini, PTJ perlu mematuhi panduan berikut:

- 4.1 Bayaran untuk SSP hendaklah dibayar melalui EFT kepada Bank Simpanan Nasional (BSN) melalui maklumat bank seperti yang telah dinyatakan pada perenggan 2. Bagi memudahkan PTJ, maklumat bank pada perenggan 2 telah dikunci masuk oleh pejabat ini ke dalam sistem SPEKS. PTJ dikehendaki untuk menyemak semula maklumat bank ini seperti di **Lampiran A3**. Sekiranya maklumat yang didaftarkan tidak sama seperti di perenggan 2, sila maklumkan ke pejabat ini dengan kadar segera.
- 4.2 Baucar Bayaran perlu dibuat menggunakan sistem SPEKS melalui modul Invois Tanpa Pesanan Tempatan (Butang 8) Daftar Bayaran Tanpa Pesanan Tempatan. Sila rujuk **Lampiran A4** untuk tatacara lengkap baucar bayaran.
- 4.3 PTJ perlu memberikan maklumat kepada BSN Cawangan Utama Negeri Perak bagi membolehkan SSP ini diproses. Maklumat ini perlu dihantar oleh PTJ ke BSN sebaik sahaja PTJ telah mendapat nombor EFT dari Baucar Bayaran yang telah diproses. Maklumat yang diperlukan oleh BSN adalah:
 - 4.3.1 Surat iringan dari PTJ termasuk pegawai yang boleh dihubungi oleh pihak BSN. Surat iringan ini hendaklah dicatatkan nombor EFT dan amaunnya.
 - 4.3.2 Maklumat penerima bayaran yang terdiri daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) Nama
 - (b) Nombor Kad Pengenalan
 - (c) Nombor Pelanggan BSN (sekiranya penerima APC atau PPC pemegang akaun BSN). Sila rujuk **Lampiran A1**.
 - (d) Jawatan
 - (e) Gaji Hakiki (Pokok)
 - (f) Tarikh Lantikan
 - (g) Alamat Surat Menyurat & Nombor Telefon

Perhatian: Sekiranya nombor pelanggan seperti di 4.3.2 (c) telah diberikan maklumatnya, PTJ hanya perlu mengisi maklumat dari 4.3.2 (a) hingga 4.3.2 (c) sahaja. Perkara dari 4.3.2 (d) hingga 4.3.2 (g) tidak perlu diisi dan diberikan lagi.
- 4.4 Surat Aku Janji kepada BSN. Sila rujuk **Lampiran A2**.
- 4.5 Satu salinan kad pengenalan penerima-penerima APC yang telah diakui sah.

4.5 Satu salinan baucar bayaran yang telah tertera nombor EFT padanya.

5. PEGAWAI-PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Sebarang pertanyaan dan urusan berkenaan perkara ini boleh berhubung dengan pegawai berikut:

5.1 Pegawai di pihak BSN:

Nama	emel	No. Telefon
Pn. Zakiah binti Abdullah	zakiahabd@bsn.com.my	05-2452335
Pn. Suhaida binti Saharudin	suhaida@bsn.com.my	05-2542337

5.2 Pegawai di pejabat Bendahari Negeri:

Nama	Unit	Samb.
Pn. Sharifah Nor Iman Bt. Syed Zainal Rasidi	Penolong BN	5044
Cik Maizatul Masni Bt. Mokhtar	Pen. Akauntan / Semakan	5032
Pn. Humaiyah Bt. Arshad	KPT / Bayaran	5039
Pn. Radiah Bt. Baharuddin	KPT / Gaji	5038
Pn. Suhaila Bt. Suhaimi	KPT / Semakan	5037

BUTIR-BUTIR AKAUN
NO AKAUN : [REDACTED]


Nama (Mengikut Kad Pengenalan) : [REDACTED]

Nombor Kad Pengenalan dan Tarikh Lahir
[REDACTED]

Alamat
[REDACTED]

Jenis Akaun PERSENDIRIAN
Cara Pengelolaan PEREMPUAN
Jantina
No Pel 1 **12345678912**
(11 digit)

NO PELANGGAN BSN



SILA GUNA KEPALA SURAT PTJ

**Bank Simpanan Nasional
Cawangan Utama Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan**

(u/p: Puan Zakiah binti Abdullah @ Puan Suhaida binti Saharudin) Tarikh:

**SURAT JAMINAN BAGI PEMBELIAN SIJIL SIMPANAN PREMIUM (SSP) BANK
SIMPANAN NASIONAL (BSN) SECARA BERKELOMPOK**

Perkara di atas dan surat bertarikh * _____ adalah dirujuk. (***Surat daripada PTJ kepada BSN memberikan maklumat kakitangan**)

Kami, * _____ (***nama PTJ**), mengakui dan mengesahkan bahawa segala maklumat kakitangan yang diberikan adalah benar dan tepat. Kami juga mengesahkan bahawa salinan dokumen pengenalan kakitangan berkenaan yang telah disahkan benar ada di dalam rekod kami. Kami akan menyerahkan salinan dokumen tersebut kepada tuan dengan kadar segera apabila dipohon.

Bertarikh pada _____ 201X

Tandatangan Pewakil Kuasa
Nama :
No. K/P :
Jawatan :

Tandatangan Pewakil Kuasa
Nama :
No. K/P :
Jawatan :